

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8393

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pelan tindakan Kerajaan jangkamasa pendek dan panjang untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing yang tidak terkawal dan mencetuskan pelbagai masalah sosial dan jenayah di dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, antara tindakan Kerajaan dalam jangkamasa pendek dan panjang untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing di dalam negara ini dengan pelaksanaan Operasi Bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan secara berterusan, mempercepatkan pengusiran, memperkasakan kawalan pintu masuk dengan menggunakan sistem biometrik. Kerjasama serta keprihatinan masyarakat umum pula adalah elemen yang sama penting dan berkesan untuk menangani isu PATI dalam jangkamasa yang panjang.

Pada 19 Januari 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing – Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA – PATI) ke-13 Bilangan 1/2015 telah meluluskan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik. Pelan yang sedang dilaksanakan ini adalah didasari dengan strategi penguatkuasaan berpaksikan prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Objektif utama Pelan tersebut adalah bagi mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka melalui kerjasama dan kesedaran masyarakat setempat. Kekuatan Pelan tersebut adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama

pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan.

Ingin dinyatakan disini bahawa, didapati majoriti PATI terdiri dari pekerja asing. Justeru, bagi membanteras PATI di sektor tersebut, agensi kawal selia berkaitan perlu berganding bahu bersama-sama JIM. Sebagai contoh, di bawah Seksyen 61, Akta Kerja 1955 Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) boleh melaksanakan naziran ke atas pematuhan majikan dalam menyedia dan menyimpan daftar dan maklumat-maklumat mengenai pekerja-pekerja yang digajikan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kerja, 1957.

Dari aspek lain pula, bagi kesalahan pemajakan lesen perniagaan kepada warga asing, konsep perundangan secara *strict liability* boleh digunakan di mana lesen perniagaan dirampas dan nama pemegang lesen dan ahli keluarga terdekat disenarai hitam serta merta. Pelaksanaan perkara ini memerlukan kerjasama pihak Kerajaan di peringkat Negeri dan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan.

Di peringkat Jabatan Imigresen pula, tindakan undang-undang di bawah Seksyen 55B, Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) akan diambil terhadap majikan yang ditangkap kerana menerima pendatang asing untuk bekerja di negara ini tanpa permit. Untuk makluman, seramai 544 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan melanggar Seksyen 55B Akta Imigresen dari Januari sehingga September 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jabatan Imigresen Malaysia mengambil beberapa tindakan untuk mengetatkan kemasukan warga asing ke negara ini dengan memastikan mereka mematuhi perkara-perkara berikut:-

- i. memiliki tiket perjalanan pulang ke negara asal mereka;**
- ii. mempunyai wang yang mencukupi untuk menyara diri semasa di Malaysia;**
- iii. nama tiada dalam Senarai Syak Jabatan;**
- iv. memiliki Visa untuk memasuki Malaysia (sekiranya perlu);
dan**
- v. alamat penginapan/kediaman di Malaysia.**

Selain daripada itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga telah melaksanakan beberapa inisiatif berasaskan IT sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berpotensi melakukan kesalahan ke negara ini. Penyemakan data warga asing di pintu masuk negara diperkukuhkan dengan menggunakan Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS). Sistem tersebut berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS.